



KEMENTERIAN KERJA RAYA

---

# KENYATAAN MEDIA

## **MENJAMIN BEKALAN ELEKTRIK TIDAK TERPUTUS DI SEKOLAH-SEKOLAH PEDALAMAN SARAWAK MELALUI PROJEK SISTEM SOLAR HIBRID**

**SONG, SARAWAK** – Kerajaan MADANI melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) hari ini meneruskan inisiatif strategik dalam memastikan anak-anak di kawasan pedalaman tidak tercicir daripada arus pembangunan dengan melancarkan Projek Penyelenggaraan Sistem Solar Hibrid dan Naik Taraf Sistem Bekalan Elektrik (2025–2027), serta menyerahkan Projek Siap Sistem Solar Hibrid bagi sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak. Majlis ini diadakan di Sekolah Kebangsaan Nanga Bangkit, daerah Song, iaitu 30 minit perjalanan melalui sungai dari Jeti Pekan Song.

2. Majlis yang disempurnakan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya yang juga Ahli Parlimen Kapit P.215 membuktikan komitmen Kerajaan MADANI dalam menyediakan bekalan elektrik 24 jam yang stabil kepada sekolah-sekolah bagi menjamin proses pembelajaran anak-anak kita di pedalaman tidak terganggu lantaran pembelajaran yang berkualiti dan efisien masakini memerlukan pelbagai gajet berteknologi seperti kompter dan Tab yang memerlukan tenaga elektrik dan bateri.

3. Program Sistem Solar Hibrid ini melibatkan 121 buah sekolah luar bandar di Sarawak dan dilaksanakan bagi menggantikan penggunaan janakuasa diesel yang mahal, sangat bergantung kepada bekalan diesel serta sukar diselenggara, terutama di kawasan pedalaman. Melalui penggunaan sistem ini, Kerajaan berjaya menjimatkan kos operasi dan penyelenggaraan sehingga 80 peratus, bersamaan kira-kira RM90 juta setahun, berbanding kos penggunaan diesel.

4. Bagi pelaksanaan projek ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM274.5 juta di bawah Rolling Plan Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11). Sehingga kini, projek Solar Hibrid ini telah disiapkan dan beroperasi bagi 97 buah sekolah sejak tahun 2023, manakala 15 buah sekolah lagi telah disiapkan dan diserahkan pada November 2025. Baki sembilan (9) buah sekolah akan disiapkan

secara berperingkat pada tahun 2026 dan 2027.

5. Di samping itu, majlis hari ini turut menyaksikan penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi tiga pakej kontrak penyelenggaraan sistem Solar Hibrid bagi tempoh 2025 hingga 2027. Langkah ini penting bagi memastikan sistem yang dipasang sentiasa berfungsi dengan baik dan bekalan elektrik dapat dinikmati secara berterusan.

6. Projek ini juga menyokong penggunaan teknologi hijau melalui sistem penstoran tenaga moden menggunakan bateri Lithium dan Sodium, sekali gus membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar emisi karbon CO2 dan membuka peluang pembangunan kepakaran tempatan dalam bidang tenaga diperbaharui.

7. Secara keseluruhannya, inisiatif ini akan memberi manfaat kepada lebih 3,000 murid dan hampir 2,000 guru di pedalaman Sarawak. KKR kekal komited menyokong dan memangkin ekosistem pembelajaran dan pengajaran yang cemerlang di samping kebajikan dan kesejahteraan warga sekolah terus terpelihara. Ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan luar bandar secara adil, inklusif dan mampan.

#Tamat#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**24 JANUARI 2026**

#TangkasBertindak  
#KearahKesejahteraanRakyat  
#JasaKepadaRakyat  
#MYJALAN  
#KerajaanMADANI  
#MADANIbekerja